



# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI SELURUH KAWASAN DAN ASRAMA PENGINAPAN PEKERJA TAPAK BINA PROJEK HOSPITAL PENDANG, KEDAH DARUL AMAN

Dikemaskini pada 24 Julai 2021

## Aktiviti dibenarkan

- Pergerakan keluar dan masuk perkhidmatan perlu sahaja
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan kecemasan

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan di dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

## Aktiviti Tetap

- **Subseksyen 11(3) Akta 342;**
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Lain-lain arahan dari masa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah **Akta 342.**

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti keterangan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
--------------------	--------	---------------------------	---	---------------------	-----------------------------

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan Terlibat	Di Seluruh Kawasan dan Asrama Penginapan Pekerja Tapak Bina Projek Hospital Pendang, Kedah Darul Aman
Tempoh Kuatkuasa	26 Julai 2021, jam 12.00 pagi sehingga 08 Ogos 2021, jam 11.59 malam
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM dan RELA. <b>Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup</b> dan dikawal kemasukan oleh PDRM.</li> <li>• Pergerakan keluar/masuk dalam kawasan PKPD adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b>.</li> <li>• Pergerakan keluar/masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, <b>DIBENARKAN</b> setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM dan KKM berdasarkan <b>case to case basis</b>.</li> <li>• Semua penghuni/pekerja dalam kawasan PKPD <b>TIDAK DIBENARKAN</b> keluar dari kediaman/asrama masing-masing KECUALI bagi urusan pembersihan diri dan lain-lain keperluan mendesak.</li> <li>• Pelawat luar <b>TIDAK DIBENARKAN</b> masuk sepanjang tempoh PKPD.</li> <li>• Pergerakan keluar masuk untuk perkhidmatan perlu berkaitan pengoperasian dalam kawasan tapak bina seperti bekalan bahan bermasak, syarikat pengurusan sisa pepejal, syarikat pengurusan sisa klinikal dan lain-lain dibenarkan hanya dengan kebenaran PDRM.</li> <li>• Pihak kontraktor atau majikan perlu menyediakan penginapan alternatif bagi tujuan pengasingan pekerja (termasuk pekerja yang menetap di luar tapak binaan) untuk pekerja yang telah disahkan positif, pekerja yang bergejala dan pekerja yang telah disahkan negatif.</li> </ul>
Saluran Makanan dan Barang Keperluan Asas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemberian bantuan bekalan makanan dan keperluan asas diuruskan oleh pihak kontraktor utama.</li> <li>• Pemberian bantuan bekalan makanan dan keperluan asas diagihkan oleh pihak kontraktor utama dan dibantu oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah.</li> <li>• Sumbangan makanan dan barangan keperluan dari NGO, ADUN kawasan dan lain-lain sumber akan diselaraskan oleh PKOB Daerah.</li> </ul>
Aktiviti Dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat selain Islam, budaya, sukan dan rekreasi adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b>.</li> <li>• Saringan secara bersasar di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.</li> <li>• <b>APA-APA AKTIVITI YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM SOP INI ADALAH TIDAK DIBENARKAN.</b></li> </ul>